



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA, 27 APRIL 2021

1	Fenomena asal raya

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19



HARGA ayam dan daging sentiasa naik ketika bulan puasa dan menjelang Hari Raya Aidilfitri. -
GAMBAR HIASAN/NOOR HASLIZA NUSI

Fenomena asal raya, harga daging, ayam naik

SAUDARA PENGARANG,

BUKAN perkara asing apabila harga bagi makanan basah seperti daging dan ayam meningkat lebih-lebih lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Ia berlaku pada setiap tahun, tidak kiralah ketika zaman Barisan Nasional (BN) mentadbir negara, Pakatan Harapan (PH) mahupun Perikatan Nasional (PN). Ia tetap dan masih berlaku, sedangkan pelbagai Kementerian diwujudkan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Tidaklah Kementerian berkaitan yang menjaga dan mengawal harga di pasaran membuat kajian mengenai berapa banyak jumlah keperluan setiap tahun menjelang Hari Raya Aidilfitri?

Contohnya, berapa jumlah daging diperlukan setiap tahun menjelang perayaan itu.

Tugas tersebut katakanlah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta KPDNHEP, jadi kedua-dua Kementerian tersebut perlu menyediakan kertas kerja. Kertas kerja itu juga perlu meliputi

jumlah keperluan daging lembu dalam negara bagi membolehkan pengiraan dibuat agar bekalan daging mencukupi. Langkah ini membolehkan ladang ternakan lembu ditambah di negara ini.

Sekiranya penternak tidak berkemampuan menyediakan keperluan itu, maka kerajaan boleh membawa masuk daging lembu dan kerbau dari luar negara.

Namun, perlu ada perjanjian antara kerajaan dan negara pembekal agar bekalan dihantar sekurang-kurangnya enam bulan sebelum perayaan.

Sementara itu, kenaikan harga ayam berpunca daripada sikap pemborong yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntungan berlipat ganda di bulan Ramadan sehingga ke Hari Raya Aidilfitri nanti.

Kerajaan harus menambah lagi pengeluaran permit import bagi membawa masuk ayam daripada luar negara, terutama dari Thailand kerana negara itu paling dekat dengan Malaysia.

OMAR LOLO
Kuala Lumpur